

# Tangani kos sara hidup perlu serius



**Nora Mahpar**  
noramahpar@  
bh.com.my

Isu peningkatan kos sara hidup dan pendapatan tidak selari masa kini, boleh diibaratkan sebagai duri dalam daging kepada mana-mana kerajaan di dunia. Ia sering dijadikan polemik sehingga menimbulkan pertikaian tanpa ada penyelesaian konkrit.

Sebenarnya tidak ada satu kerajaan pun mahu perkara itu berlaku, tetapi pada masa sama tidak mampu mengawal sepenuhnya disebabkan oleh faktor luaran.

Di Malaysia sendiri, situasi paras gaji tidak selari dengan peningkatan kos sara hidup turut menjadi barah apabila kita ibarat tersepit di bumi sendiri dalam memenuhi keperluan hidup, terutama yang tinggal di bandar besar seperti Kuala Lumpur.

Senario hari ini memperlihatkan kalangan swasta tertekan dengan kos sara hidup dan gaji rendah, walaupun Malaysia dikatakan sudah berada pada landasan tepat untuk mencapai status negara maju.

Justeru, timbul persoalan sama ada gaji minimum RM1,100 masih

relevan tatkala pekerja itu perlu menanggung perbelanjaan lain seperti sewa rumah, ansuran kereta, bil utiliti, pendidikan anak serta barangan keperluan.

Bagaimanapun, kerajaan dengan kerjasama pelbagai pihak sebenarnya mampu mengurangkan kesan peningkatan kos sara hidup dan tangga gaji terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana, dengan syarat ia mempunyai iltizam tinggi.

Harapan untuknya acap kali diiluhkan rakyat menjelang pra-

## Kerajaan perlu memainkan

peranan aktif supaya dapat merangsang dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan, pendapatan tinggi agar rakyat dapat terus berbelanja.

pembentangan belanjawan tahun dan Belanjawan 2020 juga, tidak terkecuali dengan suara yang mahukan isu berkenaan dipandang serius oleh kerajaan.

Belanjawan 2020 yang bakal dibentangkan di Parlimen Jumaat ini harus menjadi manifestasi kerajaan dalam memenuhi harapan rakyat yang mahukan peningkatan harga barang keperluan, dapat dikawal dan pada masa sama membantu meningkatkan pendapatan.

Kerajaan perlu memainkan peranan aktif supaya dapat merangsang dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan pendapatan tinggi agar rakyat dapat terus berbelanja.

Penekanan kepada pembangu- nan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) seperti dinyatkan Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Islam Bhd, Dr Mohd Afzalizam Abdul Rashid, antara yang wajar diberi pertimbangan seri-

us. Ia bukan sahaja dapat memban- tu pengusahanya meningkatkan pendapatan, sekali gus mewujudkan pekerjaan dengan gaji setim- pal, tetapi pada masa sama mem- geluarkan produk jenama tem- patan untuk dijual pada kadar berpatutan.

Antara faktor utama kenaikan harga barang yang menyumbang

kepada peningkatan kos sara hi- dup masa kini adalah kebergan- tungan negara kepada barangan diimport termasuk makanan. Ia bertambah parah apabila terke- san dengan ketidaktentuan per- tukaran mata wang asing.

Sebagai contoh, Kajian Semula Pasaran Sektor Makanan di ba- wah Akta Persaingan 2010 dike- luarakan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pada 6 Ogos lalu, menunjukkan negara ini terlalu bergantung kepada Australia dan India dalam mendapatkan beka- lan daging.

Sekiranya kerajaan dapat mem- bangunkan PKS dalam sektor itu termasuk penternak haiwan menggunakan teknologi terkini dalam membangunkan perusaha- annya, Malaysia sudah tentu tidak memerlukan bekalan luar nega- ra.

Akhirnya, penggunaan bakal mendapat manfaat besar kerana harga untuk membeli barangan keluaran jenama tempatan lebih murah berbanding sebelumnya, dengan pengusaha perlu menam- pung kos mengimport barangan dari luar negara.

Pada masa sama, graduan dari universiti dan pelatih institut ke- mahiran pula mendapat pekerja- an dengan gaji setimpal. Pendek- kata ia mewujudkan kitaran eko- nomi yang sihat.

Keluh kesah rakyat negara ini

berhubung peningkatan kos sara hidup dan pendapatan tidak selari harus ditangani segera, sekiranya kerajaan mahu melihat Malaysia menjadi sebuah negara maju de- ngan rakyatnya berpendapatan tinggi.

Jika tidak, sebesar zarah ha- rapan pun tidak akan dicapai jika apa yang diluahkan kerajaan ti- dak diambil kira keperitan ra- kyat ketika ini.

Malah, ia akan mewujudkan ju- rang lebih besar antara golongan berpendapatan tinggi dengan me- reka yang berpendapatan seder- hana dan rendah. Ia akhirnya me- nyebabkan ramai rakyat negara ini seolah-olah merempat di ne- gara sendiri.

Tetapi harus diakui peranan itu juga perlu digerakkan pihak swas- ta dan pengusaha yang mahu me- lihat terlebih dahulu insentif di- umumkan kerajaan pada pemben- tungan Belanjawan 2020 di Par- limen.

Belanjawan 2020 pasti dimanti- kan segenap lapisan masyarakat untuk melihat komitmen kerajaan dalam membangunkan negara terutama selepas Perdana Men- teri, Tun Dr Mahathir Mohamad, melancarkan Wawasan Kenak- muran Bersama (WKB) 2030.

Penulis adalah wartawan Meja Bisnes Berita Harian